



KENYATAAN MEDIA

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana perkenan melantik ahli JKMR baharu sebagaimana jawatankuasa ini diwujudkan secara perundangan mengikut Seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Pelantikan baharu ahli jawatankuasa khas ini untuk tempoh 3 tahun, yang dianggotai 7 Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, dengan merentasi sempadan parti juga merupakan suatu manifestasi kepada komitmen berterusan YAB Perdana Menteri dan kerajaan untuk membasmi rasuah. Keanggotaannya adalah seperti berikut:

1. YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim (Pengerusi)
2. YB Senator Ir. Md Nasir Hashim (Ahli Dewan Negara)
3. YB Senator Idris Ahmad (Ahli Dewan Negara)
4. YB Senator Zaiedi Suhaili (Ahli Dewan Negara)
5. YB Senator Raj Munnis Sabu (Ahli Dewan Negara)
6. YB Wong Hon Wai (Ahli Dewan Rakyat)
7. YB Hassan Abdul Karim (Ahli Dewan Rakyat)

Sesuai dengan punca kuasa perundangan yang diberikan kepadanya, JKMR adalah bertanggungjawab untuk menasihati YAB Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia dan memeriksa laporan tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Jawatankuasa khas ini juga berperanan untuk memeriksa ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah serta mendapatkan penjelasan dan penerangan mengenai laporan tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Selaras dengan peruntukan Seksyen 14 (5), JKMR juga akan bertanggungjawab menyediakan laporan tahunan mengenai fungsinya kepada YAB Perdana Menteri yang kemudian akan membentangkan laporan tahunan tersebut di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

YB SENATOR TAN SRI DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM

Yang di-Pertua Dewan Negara / Pengerusi JKMR

26 Julai 2021

Parlimen Malaysia

KUALA LUMPUR